

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Jemu benar aku dengan perkataan tapai itu. Sejak kecil aku disogokkan dengan tapai. Sebutlah tapai ubi Wak Salikon, semua orang tahu. Wak Salikon bapa aku. Jika ada orang berkata Wak Salikon Tapi Ubi, seluruh kampung kenal. Itu bapa aku! Kalau orang bertanya Parjo Tapi Ubi, itu aku! Aku dan tapai seolah-olah sehati dan sinonim. Ah, bencinya!

Parjo, jangan lupa nanti hantar tapai ke pasar!" jerit bapa dengan loghat Jawanya yang pekat. Laungan itu menjadi rutin setiap pagi. Maka aku pun tidak pernah menolak untuk berkhidmat menghantar tapai ubi buatan bapa dan emak ke pasar, ke warung, ke kedai kampung dan ke mana-mana sahaja jika ada tempahan.

Itu sahaja yang aku tahu. Akan tetapi kini aku *semakin jemu* dengan tapai ubi. Lebih-lebih lagi sejak aku memasuki sekolah menengah. Apatah lagi apabila setiap hari aku terpaksa menjinjit karung tapai ke kantin sekolah. Parjo Tapi! Itulah gelaran yang diberikan oleh kawan-kawanku yang sama-sama menumpangi bas sekolah. Aku malu dan marah juga pada mulanya. Namun alah bisa tegal biasa. Aku hanya membantu emak dan bapa mencari rezeki.

Ironinya, aku tidak pernah melihat bapa dan ibu jemu dengan dunia tapai mereka. Pagi-pagi lagi bapa akan ke kebun untuk mencabut ubi. Kebun kami bertanah gambut, dan bapa mudah sahaja mencabut berpuluh-puluh pokok ubi. Karung ubi dipikul pulang. Emak akan mengopek kulit berwarna coklat. Putih bersih ubi kayu yang segar itu jadinya. Kemudian ubi itu dipotong pendek-pendek, dalam seinci setengah panjangnya. Akulah yang sering melakukan tugas ini. Memang layak orang memanggilku Parjo Tapi.

Setelah itu, emak akan menjerang air seperiuk besar. Ubi-ubi putih itu direbus hingga empuk. Dituskan, nampak enak juga. Akan tetapi oleh sebab setiap hari aku menatap ubi rebus itu, selera sudah hilang. Jelak jadinya aku dengan ubi rebus itu.

Dipetik daripada cerpen "Legasi Tapi Ubi",
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

11 Maksud rangkai kata *semakin jemu* ialah

- A tersangat geram.
- B bertambah bosan.
- C amat kecewa.
- D berasa sukar.

12 Laungan itu menjadi rutin setiap pagi. Maka aku pun tidak pernah menolak untuk berkhidmat menghantar tapai ubi buatan bapa dan emak ke pasar, ke warung, ke kedai kampung dan ke mana-mana sahaja jika ada tempahan.

Peribahasa yang sesuai dengan situasi di atas ialah

- A alah bisa tegal biasa.
- B alang-alang berdakwat biar hitam.
- C kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.
- D alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan.

- 13 Yang berikut ialah faktor-faktor yang menyebabkan Parjo berasa jemu dengan perkataan tapai, kecuali
- A dia telah disogokkan dengan tapai sejak kecil.
 - B dia diberikan gelaran 'Parjo Tapi' oleh kawan-kawannya.
 - C dia terpaksa menjinjit karung tapai ke kantin sekolah setelah dia memasuki sekolah menengah pada setiap hari.
 - D dia terpaksa pergi ke pasar, ke warung, ke kedai kampung, dan ke mana-mana sahaja untuk mencari ubi pada setiap hari.
- 14 Antara berikut yang manakah **benar** tentang petikan?
- A Parjo akan menolak jika diminta oleh bapanya untuk menghantar tapai ubi ke pasar.
 - B Parjo berasa jelak apabila melihat ubi rebus kerana dia perlu menatap ubi rebus itu pada setiap hari.
 - C Parjo tidak pernah berasa jemu dengan perniagaan tapai yang diusahakan oleh bapa dan emaknya.
 - D Parjo tidak pernah berasa malu apabila diejek oleh kawan-kawannya sewaktu menjinjit karung tapai ke kantin sekolah.
- 15 Pagi-pagi lagi bapa akan ke kebun untuk mencabut ubi. Kebun kami bertanah gambut, dan bapa mudah sahaja mencabut berpuluh-puluh pokok ubi. Karung ubi dipikul pulang. Emak akan mengopek kulit berwarna coklat.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah latar masyarakat yang paling tepat dengan pernyataan tersebut?

- A Masyarakat yang berpandangan jauh
- B Masyarakat peniaga yang bijak mengaut keuntungan
- C Masyarakat yang gigih berusaha untuk mencari rezeki
- D Masyarakat yang berasa simpati terhadap nasib orang lain